



# PENDIDIKAN ISLAM

(Pendidikan Khas)

TINGKATAN 2

Penulis  
**NORMALA BINTI MISMAN  
AHMAD FIKRI BIN DARUS**

Editor  
**AZIZAH BINTI AHMAD**

Pereka Bentuk  
**NORINI BINTI MAT LANA**

Ilustrator  
**NURFATIN NADIAH  
BINTI TUKIRAN**



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2017



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0045

KK 297-221-0108011-49-1657-30101

ISBN 978-983-49-1657-2

Cetakan Pertama 2017

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2017

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,

50460 Kuala Lumpur.

Telefon: 03-21479000 (8 talian)

Faksimile: 03-21479643

Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:

Visual Print Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim

Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:

Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.,

No. 11, Jalan Tun Perak 6,

Taman Tun Perak,

43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan.

## Penghargaan

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembedulan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Prof, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sekolah Menengah Kebangsaan Kampong Jawa, Klang, Selangor.
- Sekolah Menengah Kebangsaan Yaacob Latif, Kuala Lumpur.

# Kandungan

PENDAHULUAN

v

## AL-QURAN

### TILAWAH

**UNIT 1** Allah Maha Esa

1

### HAFAZAN

**UNIT 2** Demi Masa

6

**UNIT 3** Iman dan Kufur

11

### AYAT KEFAHAMAN

**UNIT 4** Pelihara Pergaulanmu

17

## HADIS

**UNIT 5** Sucikan Hatimu

23

## AKIDAH

**UNIT 6** Hidupkan Iman

29

**UNIT 7** Allah Tujuan Hidupku

35

**UNIT 8** Beriman kepada Malaikat

41

## IBADAH

- UNIT 9** Istinja
- UNIT 10** Tayamum
- UNIT 11** Sucikan Dirimu

47

53

59

## SIRAH

- UNIT 12** Sayidina Abu Bakar al-Siddiq
- UNIT 13** Sayidina Umar al-Khattab

65

71

## AKHLAK

- UNIT 14** Sayangi Rakan
- UNIT 15** Suburkan Amanah

77

83

89

90

Glosari

Rujukan

# Pendahuluan

## بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya buku ini dapat diterbitkan selaras dengan hasrat dan objektif pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Para pendidik khususnya guru-guru pendidikan khas sangat mengharapkan buku teks ini dapat menjadi panduan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang holistik.

Buku ini dibina berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) Tingkatan Dua yang dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM. Kandungan dan persembahan yang dihasilkan dalam buku ini adalah sesuai dan sangat bertepatan dengan kurikulum bagi melahirkan modal insan yang seimbang dari segi intelek, jasmani, rohani, emosi dan sosial.

Buku teks ini meliputi bidang Tilawah al-Quran, Hafazan, Ayat Kefahaman, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah dan Akhlak. Bidang-bidang ini bersepadu antara ilmu, kemahiran dan penghayatan dalam Islam bagi tujuan pembentukan insan yang kamil.

Unsur-unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang dimasukkan dalam kandungan tertentu bertujuan untuk menggalakkan murid berfikir secara kritis, juga melatih murid menggunakan ilmu pengetahuan sedia ada secara optimum. Pelbagai aktiviti disediakan dalam buku ini adalah untuk merangsang minda yang aktif dan kreatif untuk memantapkan penguasaan murid terhadap kandungan yang dipelajari.



## Panduan Ikon

Buku ini dilengkapi ikon seperti yang berikut:



### Kandungan

Meliputi aspek pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian yang mencakupi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan tahap murid.



### Aktiviti dan Latihan

Memerlukan pelibatan aktif murid sama ada secara individu, berpasangan atau berkumpulan yang meliputi peringkat pengukuhan, pengayaan dan pemulihan.



### Aktiviti Menulis

Memerlukan murid melakukan aktiviti menulis seperti mengisi tempat kosong dan mencatat maklumat.




### Nota Guru

Memberikan panduan atau cadangan kepada guru dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran.



### Info

Menyediakan maklumat tambahan berkaitan bahan teks.



### Standard Pembelajaran

Memberikan maklumat tentang standard pembelajaran yang perlu dicapai pada setiap sesi pengajaran.



### Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Bertujuan untuk meningkatkan keupayaan murid berfikir secara rasional, kreatif, kritis dan inovatif serta berupaya menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan berinovatif.



### QR Code

Maklumat tambahan berkaitan dengan bahan teks dan pengajaran dapat diperoleh dengan lebih mudah dan pantas dengan menggunakan aplikasi QR Code melalui telefon pintar. Kandungan QR Code adalah seperti pautan ke laman sesawang, audio visual, bahan bercetak dan lain-lain.

Diharapkan buku ini dapat memberikan manfaat kepada semua murid khususnya murid berkeperluan khas. Mudah-mudahan segala usaha penerbitan buku ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

**Normala binti Misman**  
**Ahmad Fikri bin Darus**



# ALLAH MAHA ESA



Perhatikan dan baca.

SURAH AL-BAQARAH: 255

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ  
لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ  
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ  
مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ  
وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

٢٥٥

﴿ سورة البقرة: ٢٥٥ ﴾

**INFO**

Ayat ini juga dikenali sebagai ayat al-Kursi.



- Bimbing murid membaca ayat dengan betul.
- Terangkan kebaikan membaca ayat al-Kursi sebelum keluar rumah.





Mari menyebut kalimah.

مَا فِي السَّمَوَاتِ

سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ

الْحَيُّ الْقَيُّومُ

إِلَّا بِإِذْنِهِ

وَلَا يَعُودُهُ

مَنْ ذَا الَّذِي

وَهُوَ الْعَلِيُّ

مَنْ عِلْمِهِ

Isnin

Al-Quran

8-1-2018  
5/5

مَا فِي السَّمَوَاتِ

سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ

الْحَيُّ الْقَيُّومُ

إِلَّا بِإِذْنِهِ

وَلَا يَعُودُهُ

مَنْ ذَا الَّذِي

وَهُوَ الْعَلِيُّ

مَنْ عِلْمِهِ



- Bimbing murid menyebut kalimah dengan makhras yang betul dan bertajwid.
- Bimbing murid membaca dan mengulang sebutan kalimah.





Mari membaca secara berpasangan.

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ

لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ

مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ

وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ

وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ

وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ





Minda Aktif

Baca secara *talaqqi* dan *musyafahah*.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ

لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ

إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ

مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ

وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ



Nota  
Guru

- Bimbing murid membaca dengan betul sambil dibantu rakan sebaya.
- Terangkan konsep *talaqqi* dan *musyafahah* yang betul.

1.1.9



## Laman Kreatif

### Permainan Nenek Kebayan



#### Cara Permainan

1. Pilih seorang murid untuk dijadikan nenek kebyan.
2. Murid yang tidak ditutup matanya mengalunkan zikir munajat tiga kali.
3. Apabila zikir berhenti, nenek akan mencari dan menyentuh cucunya dengan menggunakan tongkat.
4. Murid yang disentuh perlu membaca sebahagian ayat 255 surah al-Baqarah dengan bimbingan guru.
5. Selepas membaca, matanya ditutup untuk meneruskan permainan.

#### Nota Guru

- Bimbing murid melaksanakan permainan Nenek Kebayan sambil membaca potongan ayat dengan betul dan bertajwid.
- Rujuk contoh permainan Nenek Kebayan daripada Internet.

# UNIT 2

## DEMI MASA



Perhatikan dan baca.

SURAH AL-ASR: 1-3

Platform 2  
Ke arah TO  
PNH2  
Putra Heights



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَالْعَصْرِ ﴿١﴾  
إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾  
إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ  
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

﴿ سورة العصر: ١-٣ ﴾

### INFO

Terjemahan:

"Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."





Baca dan hafaz.



**INFO**

Allah berfirman, orang yang tidak rugi dalam kehidupan ialah mereka yang memiliki empat sifat utama, iaitu beriman, beramal soleh, saling menasihati dengan kebenaran dan saling menasihati dengan kesabaran.

- 2.1.1
- 2.1.2
- 2.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid menyebut kalimah secara berulang-ulang.



Baca dan hafaz.

**RANDUAN WAKTU SOLAT**  
Mengikut Peredaran Matahari

**الظَهْر**  
AS-SUBUH  
Waktu Subuh bermula apabila matahari terbit dan berakhir apabila matahari sudah tinggi seperti pada gambar di bawah.

**المَصْرُ**  
AS-SUBUH  
Waktu Subuh bermula apabila matahari terbit dan berakhir apabila matahari sudah tinggi seperti pada gambar di bawah.

**المَغْرِبُ**  
MAGHRIB  
Waktu Maghrib bermula apabila matahari terbit dan berakhir apabila matahari sudah tinggi seperti pada gambar di bawah.

**العِشَاءُ**  
ISYAK  
Waktu Isyak bermula apabila matahari terbit dan berakhir apabila matahari sudah tinggi seperti pada gambar di bawah.

**الصُّبْحُ**  
SUBUH  
Waktu Subuh bermula apabila matahari terbit dan berakhir apabila matahari sudah tinggi seperti pada gambar di bawah.

INFO SOLAT



- Bimbing murid membaca dan menghafaz potongan ayat.
- Bimbing murid membaca dan mengulang hafazan.



Minda Aktif

Mari menghafaz secara berpasangan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾  
 إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ  
 وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾



2.1.4

Nota Guru

- Bimbing murid membaca dan menghafaz surah ini dengan bertajwid.
- Galakkan murid membantu rakan menghafaz surah.



## Laman Kreatif

### Permainan Gerabak Kereta Api

2 إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ

1 وَالْعَصْرِ

4 وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ


3 إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا

6 وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ

5 وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ

### Cara Permainan

1. Sediakan enam lukisan kotak membentuk landasan kereta api di atas lantai.
2. Setiap kotak ditanda dengan satu nombor.
3. Murid beratur di atas lukisan landasan dan bergerak mengikut pusingan apabila wisel kereta api dibunyikan sambil berbunyi seperti kereta api.
4. Murid berhenti apabila wisel kereta api kedua dibunyikan.
5. Murid akan menghafaz potongan ayat mengikut nombor landasan.
6. Perjalanan diteruskan sekiranya murid berjaya.



Nota Guru

- Bimbing murid menghafaz dengan betul dan lancar.







Perhatikan dan baca.

SURAH AL-KAFIRUN: 1-6

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ① لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ②  
وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ③ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ④  
وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ⑤ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ⑥

﴿ سورة الكافرون : 1-6 ﴾

INFO

Surah ini menerangkan toleransi dalam beragama. Islam menggalakkan kita menghormati agama lain sebagaimana ayat akhir dalam surah ini menjelaskan, "Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku." Hanya Islam agama yang sebenarnya.





Sebut kalimat dan baca potongan ayat.

لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ

2

لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ

وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ

4

وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِي دِينِ

6

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِي دِينِ



الْكَافِرُونَ

يَا أَيُّهَا

قُلْ

1

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ

مَا أَعْبُدُ

عَبِيدُونَ

أَنْتُمْ

وَلَا

3

وَلَا أَنْتُمْ عَبِيدُونَ مَا أَعْبُدُ

مَا أَعْبُدُ

عَبِيدُونَ

أَنْتُمْ

وَلَا

5

وَلَا أَنْتُمْ عَبِيدُونَ مَا أَعْبُدُ



2.2.1  
2.2.2  
2.2.3

Nota  
Guru

- Bimbing murid membantu rakan membaca kalimah dan potongan ayat dengan lancar.



Padankan dan hafaz.

مَا تَعْبُدُونَ

الْكَافِرُونَ

مَا عَبَدْتُمْ

مَا آَعَبُدُ

وَلِي دِينِ

مَا آَعَبُدُ

قُلْ يَا أَيُّهَا

لَا آَعْبُدُ

وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ

وَلَا أَنَا عَابِدٌ

وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ

لَكُمْ دِينُكُمْ

1

2

3

4

5

6



14

Nota  
Guru

- Bimbing murid memadankan potongan ayat dan menghafaznya dengan betul.

2.2.4



Minda Aktif

Mari beramal.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ يَأَيُّهَا الْكَافِرُونَ ① لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ②  
 وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ③ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ④  
 وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ⑤ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ⑥





## Laman Kreatif

### Permainan Ketingting

#### Cara Permainan

1. Murid perlu menghafaz sepotong ayat mengikut urutan nombor selepas membuat balingan buah.
2. Selepas membuat lompatan, murid lain akan mengambil giliran.
3. Permainan diteruskan sehingga murid menghabiskan hafazan enam ayat.
4. Murid yang pantas menyudahkan permainan dan hafazan dikira sebagai pemenang.



- Bimbing murid menghafaz surah dengan lancar dan betul.
- Rujuk contoh permainan ketingting daripada Internet.
- Ubah suai permainan mengikut kreativiti guru.



# PELIHARA PERGAULANMU



Baca dan fahami.

## SURAH AL-NUR: 31

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menundukkan pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka;

... dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang yang beriman semoga kamu berjaya.

... dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya;



... dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang perhiasan yang mereka sembunyikan;

... dan hendaklah mereka melabuhkan tudung kepala ke paras dada mereka;

... dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau bapa mentua mereka, atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka atau anak saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan Islam, atau hamba mereka, atau orang gaji daripada orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan;





Baca dan fahami.

### Inti Sari Ayat 31: Surah al-Nur

1. Allah SWT memerintahkan wanita yang beriman supaya:
  - menjaga kehormatan diri
  - tidak menampakkan perhiasan kecuali yang (biasa) nampak
  - menahan pandangan mata
  - melabuhkan kain tudung hingga ke dadanya (menutup auratnya)
2. Allah SWT melarang wanita menampakkan perhiasan kecuali kepada:
  - bapa
  - suami
  - bapa mentua
  - anak kandung
  - anak tiri
  - hamba
  - wanita Islam
  - kanak-kanak lelaki
  - anak saudara
  - adik-beradik lelaki
  - orang gaji lelaki tua yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita)





**Fahami dan hayati.**

**Kepentingan Memelihara Batasan Pergaulan dalam Islam**



1. Dapat menjaga maruah dan kehormatan diri.
2. Dapat mengelakkan fitnah.
3. Dapat mengelakkan kes zina.
4. Mewujudkan hubungan harmoni sesama manusia.
5. Mendapat kecemerlangan hidup di dunia dan di akhirat.
6. Mendapat pahala dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.

**Akibat Tidak Memelihara Batasan Pergaulan**



1. Maruah diri tercemar dan hilang kehormatan diri.
2. Fitnah akan menjadi kebiasaan dalam kehidupan.
3. Maksiat akan berleluasa.
4. Hubungan tegang sesama jiran tetangga dan masyarakat.
5. Hidup dalam kesusahan, murung dan sedih.
6. Tiada keberkatan dalam kehidupan.

3.1.2  
3.1.3


**Nota Guru**

- Bimbing murid menyenaraikan kepentingan menjaga batasan pergaulan.
- Bimbing murid menyenaraikan akibat tidak menjaga batasan pergaulan.



Perhatikan dan fahami.

### Contoh Pergaulan dalam Islam





Minda Aktif

Padankan pakaian yang menepati syariat ketika berada di luar rumah.



Nota Guru

- Minta murid padankan pakaian yang sesuai.
- Terangkan maksud dan cara berpakaian menepati syariat Islam dalam semua situasi.



## Laman Kreatif

### Boling Ilmu



1

Sediakan enam botol kosong, bola dan kertas.



2

Masukkan kad maklumat ke dalam botol.



3

Susun botol mengikut susunan boling. Murid beratur membuat barisan.



4

Setiap murid dikehendaki meleretkan bola. Botol yang jatuh akan diambil maklumatnya.



5

Murid membaca maklumat.



6

Murid membaca dan menampal maklumat pada papan putih.

# UNIT 5

## SUCIKAN HATIMU



Perhatikan dan baca.

HADIS



Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ ...

“Sesungguhnya amalan itu dinilai dengan niat...”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)



4.1.1

Nota  
Guru

- Bantu murid memahami maksud hadis di atas.

23



Baca dan fahami.

### Huraian Hadis

1 Setiap perbuatan baik memerlukan niat kerana Allah SWT.



2

Semua perbuatan baik yang diniatkan kerana Allah SWT akan mendapat pahala.



### Contoh Perbuatan yang Menjurus kepada Keikhlasan



Bersedekah



Membantu rakan



Menunaikan haji



- i. Sebutkan amalan lain yang menjurus kepada keikhlasan.
- ii. Apakah yang akan kamu lakukan apabila melihat kucing yang kelaparan?



Nota  
Guru

- Berikan penerangan tentang maksud hadis.

4.1.1  
4.1.2



Chrome Browser | Bookmark Manager | <https://www.google.com>

### Kepentingan Ikhlas dalam Melakukan Setiap Perbuatan

1. Mendapat pahala.
2. Menjadikan amalan kebiasaan sebagai ibadah.
3. Menentukan sesuatu amalan diterima atau ditolak.
4. Mendapat kecemerlangan dalam kehidupan.
5. Mengikat hati seorang hamba dengan Tuhannya.
6. Menyelamatkan diri daripada sifat *riyak* dan *ujub*.

<https://www.google.com>



**INFO**

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Beruntunglah orang yang ikhlas. Mereka ialah pelita dalam kegelapan malam, dan segala fitnah serta kezaliman akan hilang daripada mereka.”  
(Riwayat al-Baihaqi)

- Bimbing murid memahami konsep ikhlas.
- Huraikan makna *riyak* dan *ujub*.



Baca dan hayati.

### Betulkan Niatmu

HADIS



Niat ialah teras segala amalan.



Niat membezakan antara ibadah dengan adat.



Semua perbuatan yang baik hendaklah dimulakan dengan niat kerana Allah SWT.



Amalan yang baik jika tidak diniatkan kerana Allah SWT, tidak memberikan apa-apa faedah.



Amalan yang buruk tidak membawa faedah walaupun dilakukan dengan niat yang baik.





**Minda Aktif**

## Kitaran Kehidupan

**Hubungan dengan masyarakat**

- ▶ gotong-royong

---



---

**Hubungan dengan Allah SWT**

- ▶ solat

---



---

**Hubungan dengan alam sekitar**

- ▶ memulihara alam

---



---

**Hubungan dengan haiwan**

- ▶ mengasihi haiwan

---



---

**Ikhlas**

**Hubungan dengan rakan**

- ▶ menjaga rahsia kawan

---



---

**Hubungan dengan ibu bapa**

- ▶ menolong ibu di rumah

---



---



## Laman Kreatif

### Permainan Dam Ikhlas

#### Cara Permainan

- ◆ Permainan ini menggunakan cabutan nombor yang digulung dan buah.
- ◆ Pergerakan buah mengikut nombor yang diperolehi.

3

Niat yang baik. Mara tiga langkah ke hadapan.

7

Anda rajin belajar. Mara empat langkah ke hadapan.

8

Tidak baik bergaduh. Undur empat langkah ke belakang.

12

Tahniah kerana menolong guru. Mara satu langkah ke hadapan.

17

18



19

20



16



15

14



13

9

10

11

12



8



7



6

5

1

2

3

4



Mula



14

Syabas, anda mengasahi haiwan! Mara tiga langkah ke hadapan.

16

Bagus. Anda solat berjemaah. Mara tiga langkah ke hadapan.

18

Kesalahan yang berat. Undur tujuh langkah ke belakang.

- Bimbing murid bermain permainan Dam Ikhlas.
- Rangsang murid untuk bercerita tentang rutin seharian murid.

# UNIT 6

## HIDUPKAN IMAN



Lihat dan fikirkan.

Subhanallah...

Indahnya  
alam ciptaan  
Allah SWT ini.

AKIDAH

- i. Adakah manusia dapat menandingi kekuasaan Allah SWT?
- ii. Apakah yang akan berlaku sekiranya Allah SWT mencipta malam tanpa bintang?

Nota  
Guru

- Bersoal jawab dengan murid tentang gambar di atas.
- Minta murid menyenaraikan makhluk ciptaan Allah SWT.



**Baca dan fahami.**

Rukun iman ialah mempercayai enam perkara yang menjadi tunjang dalam kehidupan orang Islam, iaitu:

1. Beriman kepada Allah.
2. Beriman kepada malaikat.
3. Beriman kepada kitab.
4. Beriman kepada rasul.
5. Beriman kepada hari kiamat.
6. Beriman kepada qadak dan qadar.

AKIDAH

**INFO**

Iman ialah membenarkan dengan hati, pengakuan dengan lisan dan dibuktikan dengan amalan.



Nota  
Guru

- Bimbing murid memahami pengertian rukun iman.

5.1.1  
5.1.2



Baca dan fikirkan.

### **PERTAMA**

#### **Beriman kepada Allah**

- Meyakini bahawa Allah SWT itu wujud dengan kekuasaan-Nya.

### **KEDUA**

#### **Beriman kepada malaikat**

- Meyakini bahawa malaikat ialah makhluk Allah SWT yang dicipta daripada nur.
- Malaikat sentiasa tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT.

### **KETIGA**

#### **Beriman kepada kitab**

- Meyakini empat kitab yang diturunkan kepada nabi-nabi Allah SWT.
- Al-Quran ialah kitab yang *syumul* dan mengandungi ajaran yang benar.

### **KEEMPAT**

#### **Beriman kepada rasul**

- Meyakini bahawa para rasul ialah utusan Allah yang menerima wahyu untuk memimpin manusia ke arah jalan yang benar.

### **KELIMA**

#### **Beriman kepada hari kiamat**

- Meyakini bahawa alam ini akan musnah.
- Manusia akan dibangkitkan semula.

### **KEENAM**

#### **Beriman kepada qadak dan qadar**

- Meyakini bahawa setiap yang berlaku ialah ketetapan dan ketentuan Allah SWT.

AKIDAH



5.1.2

Nota Guru

- Minta murid menyatakan enam perkara dalam rukun iman.
- Terangkan maksud *syumul*.





## Baca dan hayati.

Apakah kepentingan meyakini rukun iman?

Menjadi insan yang *kamil*.

Mendorong diri agar bersifat mulia dan luhur.

Menjadikan manusia lebih cekal.

Melakukan kebaikan dan menjauhi kejahatan.

Wajarkah kita berjumpa dengan bomoh untuk mendapatkan rawatan?



- Rangsang murid untuk menghuraikan kepentingan rukun iman dalam kehidupan.



## Minda Aktif

Catat isi-isi penting tentang rukun iman.





## Laman Kreatif

### Roda Pintar

#### Cara Permainan

1

Putar roda untuk menentukan nombor soalan dan markah.

2

Jawab soalan dan semak jawapan berpandukan markah yang diberikan.

3


Setiap jawapan yang betul akan diberi markah mengikut markah yang ditetapkan.

4

Sekiranya soalan tidak dapat dijawab atau jawapan yang diberikan salah, soalan akan dibuka kepada orang lain.

5

Pada akhir permainan, jumlahkan semua markah yang terkumpul.



#### SOALAN

- |  |     |
|--|-----|
| 1. Apakah kitab yang terakhir?                     | 3 M |
| 2. Sebutkan rukun iman satu persatu.               | 5 M |
| 3. Sebutkan kalimah zikir kepada Allah SWT.        | 3 M |
| 4. Kita perlu meyakini rukun iman untuk _____.     | 4 M |
| 5. Nyatakan dua bukti kewujudan Allah SWT.         | 5 M |
| 6. Malaikat dicipta oleh Allah SWT daripada _____. | 3 M |
| 7. Apakah tugas rasul?                             | 4 M |
| 8. Berapakah jumlah rasul yang wajib diketahui?    | 3 M |



Nota Guru

- Sediakan Roda Pintar mengikut kreativiti guru.
- Ubah suai permainan mengikut kreativiti guru seperti permainan baling damak.



# UNIT 7

## ALLAH TUJUAN HIDUPKU



Lihat dan fikirkan.

Apakah contoh ciptaan Allah SWT dan ciptaan manusia?

Apakah perbezaan antara ciptaan Allah SWT dengan ciptaan manusia?



## Baca dan fahami.

Allah jualah yang mencipta kamu; kemudian Dia memberikan rezeki kepada kamu; sesudah itu Dia mematikan kamu; kemudian Dia menghidupkan kamu semula. Adakah antara makhluk yang kamu sekutukan dengan Allah itu sesiapa yang dapat berbuat demikian daripada sesuatu pun? Maha Suci Allah dan Tertinggi keadaan-Nya daripada apa-apa yang mereka sekutukan.

(Terjemahan surah al-Rum 30:40)



STESEN  
1

Allah SWT yang menghidupkan, mematikan dan menghimpunkan manusia pada hari kiamat.



### INFO

Qudrat merupakan satu daripada sifat wajib bagi Allah SWT.



STESEN  
4



Apakah bukti Allah SWT Maha Berkuasa?

Allah SWT berkuasa mencipta manusia bermula daripada Nabi Adam.

Allah SWT juga berkuasa mencipta langit dan bumi.

Allah SWT berkuasa mencipta kejadian siang dan malam.

**STESEN**  
**2**

Segala makhluk telah ditentukan rezeki oleh Allah SWT. Kita sebagai hamba wajib mensyukurinya.

**STESEN**  
**3**

5.2.1  
5.2.2

Nota Guru

- Lakukan perbincangan tentang bukti-bukti kekuasaan Allah SWT berdasarkan maklumat di atas.



Baca dan hayati.

## Peranan Muslim yang Beriman

Muslim yang beriman akan menunaikan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya.



Menunaikan tanggungjawab kepada Allah SWT.



Menghormati ibu bapa dan keluarga.



Membantu sesama insan.



Melakukan amalan-amalan sunat.



## Minda Aktif

Catat maklumat tentang kekuasaan Allah SWT.

### Bukti-Bukti Kekuasaan Allah

1. Kejadian langit dan bumi.

2.



3.



4.



5.



6.





Muhasabah Diri

Apakah azam kamu untuk menjadi Muslim yang beriman kepada Allah SWT? Renung dan catat dalam diari kamu.

5


NOVEMBER  
SABTU


Muhasabah diri:

Saya wajib bersyukur kepada Allah SWT dengan melaksanakan semua perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.



Mulai hari ini saya berazam untuk:

i. \_\_\_\_\_ 

ii. \_\_\_\_\_ 

iii. \_\_\_\_\_ 

iv. \_\_\_\_\_ 

v. \_\_\_\_\_ 

vi. \_\_\_\_\_ 



- Rangsang murid melaksanakan tanggungjawab sebagai pelajar, rakan, anak dan hamba Allah SWT yang beriman.

# UNIT 8

## BERIMAN KEPADA MALAIKAT



Baca dan fikirkan.

Siti, adakah semua amalan kita dilihat oleh Allah SWT?

Ya, Nur... Allah SWT Maha Melihat. Malaikat Raqib dan Atid ditugaskan untuk mencatat segala amalan kita.

AKIDAH

Nota  
Guru

- Ceritakan perbezaan antara malaikat dengan manusia.





Baca dan hafaz.

## Malaikat dan Tugasnya

Malaikat Jibrail menyampaikan *wahyu* daripada Allah SWT kepada rasul dan nabi.

Jibrail

Malaikat Mikail menurunkan rezeki kepada semua makhluk Allah.

Mikail

Malaikat Riduan menjaga pintu syurga.

Riduan

Malaikat Malik menjaga pintu neraka.

Malik



Munkar

Nakir

Raqib

Atid

Izrail

Israfil

Malaikat Munkar dan Nakir menyoal orang mati di dalam kubur.

Malaikat Raqib mencatat amalan kebaikan manusia.

Malaikat Atid mencatat amalan keburukan manusia.

Malaikat Izrail mencabut nyawa.

Malaikat Israfil meniup sangkakala pada hari kiamat.

**INFO**

Tiga tahap tiupan sangkakala pada hari kiamat, iaitu:

- i. Mengejutkan manusia tentang hari kiamat
- ii. Kehancuran semua makhluk
- iii. Kebangkitan semula

5.3.1  
5.3.2

Nota  
Guru

- Bimbing murid menyebut dan menghafaz nama-nama malaikat.
- Bincangkan tugas-tugas malaikat dalam kehidupan manusia.



Baca dan fikirkan.

AKIDAH



**Mengapakah kita  
perlu meyakini  
kewujudan  
malaikat?**

1. Yakin dengan Allah SWT.
2. Mengutamakan kehidupan akhirat sebagai matlamat.
3. Berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan.
4. Meningkatkan ketakwaan untuk menuju syurga Allah SWT.



Nota  
Guru

- Kaitkan maklumat di atas dengan kehidupan Muslim yang beriman.

5.3.3



## Minda Aktif

Kenal pasti tugas malaikat berdasarkan gambar di bawah.



AKIDAH

- Bimbing murid menjalankan aktiviti perbincangan di dalam kelas.



## Permainan Kereta Kecil



### Cara Permainan

1

Sediakan tiga kereta kecil dan 10 cawan kertas yang disusun pada jarak yang bersesuaian.

2

Labelkan nama 10 malaikat pada cawan kertas.

3

Pacu kereta kecil ke arah cawan kertas sebagai sasaran.

4

Nyatakan tugas malaikat berdasarkan cawan kertas yang berjaya dijatuhkan.

5

Semak jawapan di dalam cawan kertas.

6

Jawapan yang betul akan diberi markah oleh guru.

## ISTINJAK



Perhatikan dan fahami.

Saya hendak buang air besar, tetapi tiada air untuk membersihkannya.



TEADAH

Apakah yang perlu dilakukan oleh mereka jika ketiadaan air?



Perhatikan dan fahami.



Istinjak ialah perbuatan membersihkan najis yang keluar dari qubul dan dubur dengan menggunakan alat-alat yang tertentu.

Hukum istinjak adalah **wajib**.

Alat-alat istinja' ialah air mutlak, batu, kulit kayu, daun kering dan tisu.



- i. Adakah istinja' memerlukan niat seperti wuduk ataupun solat?
- ii. Adakah perlu istinja' apabila terkentut?

6.1.1  
6.1.2

Nota  
Guru

- Bincangkan alat-alat yang haram digunakan untuk beristinja'.



Baca dan fahami.

### Alat istinjak

### Cara beristinjak



Air

- i. Gunakan air mutlak.
- ii. Bersihkan najis dari qubul dan dubur sehingga yakin bersih.



Batu

- i. Pilih batu yang sesuai untuk menghilangkan *ain* najis.
- ii. Gunakan tiga biji batu atau sebiji batu yang mempunyai tiga penjuru.
- iii. Tambah bilangan batu dengan bilangan yang ganjil sehingga yakin hilang *ain* najis.



Benda kesat (kertas, kayu, daun, tisu dan lain-lain)

- i. Gunakan benda kesat yang suci.
- ii. Pastikan najis belum kering dan najis tidak merebak ke tempat lain.
- iii. Bersihkan najis dari qubul dan dubur sehingga yakin bersih.

### INFO

- i. Istinja yang terbaik adalah dengan menggunakan benda kesat dan diikuti dengan air.
- ii. Yakin bersih, iaitu tiada lagi (hilang) bau, rasa dan warna. Walau bagaimanapun, dimaafkan jika warna masih tidak hilang setelah dibasuh berkali-kali.



Nota  
Guru

- Bimbing murid menerangkan cara istinja dengan betul.
- Nyatakan cara pemilihan batu yang sesuai digunakan untuk istinja.

6.1.3





Senaraikan alat yang boleh digunakan untuk beristinjak.

Alat istinjak	Jenis/ccontoh bahan
Air mutlak	i. Air paip ii. _____ iii. _____ iv. _____ v. _____ vi. _____ vii. _____
Bahan-bahan kesat	i. Kertas ii. _____ iii. _____ iv. _____ v. _____





## Jejak Minda

### Arahan

1. Setiap kumpulan diberi sebatang pen, kertas A4 dan karung kain.
2. Setiap kumpulan diarahkan ke stesen yang berlainan dan bergerak ke stesen yang lain.
3. Di setiap stesen, murid diminta mencari harta karun berdasarkan petunjuk.
4. Bawa semua harta karun bersama-sama dengan ujian minda ke stesen penamat.
5. Setiap kumpulan dikehendaki menggunakan peta i-Think yang sesuai untuk menjawab ujian minda.
6. Kumpulan yang berjaya membawa harta karun dan menjawab ujian minda dengan tepat dikira sebagai pemenang.

### STESEN 1

#### Petunjuk

- Berasal dari bumi
- Benda yang keras dan padat
- Bukan logam atau besi

### STESEN 2

#### Petunjuk

- Bahagian tumbuhan yang tumbuh daripada ranting
- Helaian hijau berbentuk leper
- Ambil yang kering berwarna coklat

### STESEN 3

#### Petunjuk

- Lapisan luar tumbuhan berkayu
- Permukaan batang kayu yang mati
- Berwarna gelap daripada asal

### STESEN 4



PENAMAT

Ujian Minda: Cara beristinjak berdasarkan jawapan anda.

- Minta murid menjawab ujian di setiap stesen.
- Minta murid berbincang tentang cara beristinjak bagi setiap bahan yang dikumpulkan.
- Bimbing murid membuat peta i-Think yang sesuai.

## TAYAMUM

Perhatikan dan fikirkan.

Bagaimana Faris hendak berwuduk, ustazah?





## Baca dan fahami.

Tayamum diharuskan atas sebab yang tertentu untuk membolehkan seseorang melaksanakan ibadah yang memerlukan *taharah*. Tayamum difardukan sebagai ganti wuduk atau mandi wajib.

Tayamum ialah perbuatan menyapu muka dan kedua-dua belah tangan hingga siku menggunakan debu tanah yang bersih mengikut syarat-syarat tertentu.

### INFO

Tayamum diharuskan kerana:

- i. Ketiadaan air
- ii. Air tidak cukup
- iii. Cuaca terlalu sejuk
- iv. Keuzuran atau sakit
- v. Terhalang kerana bahaya
- vi. Air mencukupi untuk minum sahaja

- Bincangkan situasi yang menyebabkan keharusan tayamum dalam kehidupan.
- Terangkan maksud *taharah*.



## Baca dan hayati.

Tayamum disyariatkan untuk menggantikan wuduk dan mandi wajib bagi membolehkan seseorang melakukan ibadah seperti solat, tawaf dan beriktikaf di dalam masjid.

### Rukun Tayamum

- i. Menyapu debu tanah ke muka berserta niat:

نَوَيْتُ التَّيْمَمَ لِاسْتِبَاحَةِ

الصَّلَاةِ لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja aku bertayamum bagi mengharuskan solat kerana Allah Taala.*

- ii. Menyapu debu tanah pada kedua-dua belah tangan hingga siku.

- iii. Tertib.

#### INFO


Syarat tayamum:

- i. Telah masuk waktu solat
- ii. Cari air selepas masuk waktu solat
- iii. Menghilangkan najis terlebih dahulu
- iv. Menggunakan debu tanah yang tidak bercampur dengan bahan lain seperti tepung atau kapur
- v. Tentukan arah kiblat sebelum bertayamum



## Baca dan amalkan.

Lakukan tayamum secara amali.



1

- Dimulakan dengan bacaan basmalah.
- Menghadap kiblat.



2

- Menekap kedua-dua belah tapak tangan pada debu tanah.



3

- Menipiskan debu tanah pada kedua-dua belah tapak tangan.



4

- Menyapu debu tanah sekali ke muka berserta niat.



5

- Tekap semula kedua-dua belah tapak tangan pada debu tanah.



6

- Menipiskan debu tanah pada kedua-dua belah tapak tangan.



7

- Menyapu debu tanah pada kedua-dua belah tangan hingga siku.

### INFO

Satu tayamum hanya boleh digunakan untuk sekali solat fardu dan beberapa solat sunat sahaja.





## Minda Aktif

Senaraikan semula rukun dan syarat dalam tayamum.

Tayamum	a. Rukun tayamum	i.	_____	
		ii.	_____	
		iii.	_____	
	b. Syarat tayamum	i.	_____	
		ii.	_____	
		iii.	_____	
		iv.	_____	
		v.	_____	



## Laman Kreatif

Farhan berada di hospital kerana kakinya patah akibat kemalangan. Nyatakan cara Farhan bertayamum?



الله أكبر  
الله أكبر



IBADAH

### INFO

Debu tayamum boleh didapati di kedai-kedai yang menjual peralatan haji dan umrah. Di hospital, kita boleh mendapatkannya daripada pembekal yang ada di hospital tertentu.



Nota  
Guru

- Minta murid melakukan simulasi cara bertayamum dengan sempurna.





Baca dan fahami.

2 Mandi ialah perbuatan mengalirkan air ke seluruh anggota badan.


1 Farhana, sebutkan pengertian mandi.





Baca dan fahami.

## JENIS MANDI



IBADAH

### INFO

Rukun mandi wajib:

- Niat mesti ketika air sampai ke mana-mana anggota badan
- Meratakan air ke seluruh badan, kulit dan rambut

- Mengapakah disunatkan mandi sebelum solat Jumaat?
- Mengapakah diwajibkan mandi selepas haid?



Nota Guru

- Bincangkan jenis-jenis mandi dengan pengalaman sedia ada murid.

6.3.2



Baca dan fahami.

Orang yang berhadass besar perlu menyucikan diri dengan mandi wajib.

### Cara Mandi Wajib



Nyatakan contoh benda yang boleh menghalang air daripada sampai ke kulit?

#### INFO

Niat mandi wajib:

نَوَيْتُ رَفَعَ الْحَدَثِ الْأَكْبَرِ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku mengangkat hadas besar kerana Allah Taala.





Perhatikan dan fahami.

## Penjelasan Mandi Wajib

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



1

Memulakan mandi dengan bacaan basmalah.



2

Membersihkan kotoran atau najis yang menghalang air sampai ke kulit.



3

Disunatkan berwuduk sebelum mandi.

Sahaja aku mengangkat hadas besar kerana Allah Taala.



4

Niat mandi wajib ketika air mula sampai pada anggota badan.



5

Meratakan air ke seluruh anggota badan.

### INFO

Sunat mandi wajib:

- i. Menghadap kiblat
- ii. Membaca basmalah
- iii. Membasuh kedua-dua tangan
- iv. Berwuduk
- v. Menggosok seluruh anggota badan



## Minda Aktif

### 1. Tulis jenis mandi berdasarkan situasi yang diberikan.

<p><b>Situasi</b></p> <p>1 Isteri Ustaz Khalid telah selamat melahirkan anak mereka yang ketiga.</p>	<p><b>Jenis mandi</b></p> <p>_____</p> <p>_____</p>
<p><b>Situasi</b></p> <p>2 Izzuan membersihkan diri sebelum menunaikan solat Jumaat.</p>	<p><b>Jenis mandi</b></p> <p>_____</p> <p>_____</p>
<p><b>Situasi</b></p> <p>3 Aiman mandi selepas pulang dari sekolah.</p>	<p><b>Jenis mandi</b></p> <p>_____</p> <p>_____</p>
<p><b>Situasi</b></p> <p>4 Shahrul membersihkan diri selepas bermain bola.</p>	<p><b>Jenis mandi</b></p> <p>_____</p> <p>_____</p>
<p><b>Situasi</b></p> <p>5 Najiha mandi setelah kering darah haidnya.</p>	<p><b>Jenis mandi</b></p> <p>_____</p> <p>_____</p>
<p><b>Situasi</b></p> <p>6 Abang membersihkan diri sebelum solat hari raya Aidiladha.</p>	<p><b>Jenis mandi</b></p> <p>_____</p> <p>_____</p>

### 2. Berikan maksud niat mandi wajib di bawah:

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الْأَكْبَرِ لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya:

\_\_\_\_\_



## Laman Kreatif

### Kerusi Ilmuwan

Sebutkan niat mandi wajib.

#### Cara Permainan

1. Guru memilih dua orang murid atau murid menawarkan diri secara sukarela.
2. Murid yang terpilih akan duduk di atas kerusi yang disediakan.
3. Murid ini menjadi pakar atau watak yang akan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh murid lain.
4. Setiap soalan yang dapat dijawab oleh pakar akan diberi markah oleh guru.
5. Guru akan mengumpul dan mengira markah untuk menentukan pemenang.

#### Soalan

1. Sebutkan lafaz niat mandi wajib.
2. Nyatakan satu contoh benda yang menghalang air sampai ke kulit.
3. Apakah hukum mandi setelah haid?
4. Berikan satu contoh mandi sunat.
5. Nyatakan satu contoh amalan sunat ketika mandi wajib.
6. Apakah jenis air yang boleh digunakan untuk mandi wajib?

#### MARKAH

Soalan	Ilmuwan (Faris)	Ilmuwan (Farhana)
1	3	
2		3
3		3
4	3	
5		
6		
Jumlah		



#### Nota Guru

- Berikan peluang kepada murid lain untuk duduk di atas Kerusi Ilmuwan.
- Galakkan murid membina soalan sendiri untuk aktiviti ini.

# UNIT 12

## SAYIDINA ABU BAKAR AL-SIDDIQ



Baca dan fahami.

Abu Bakar mendapat gelaran al-Siddiq kerana beliau sentiasa membenarkan segala kata-kata dan tindakan Rasulullah SAW. Beliau juga sentiasa bersikap jujur dan bercakap benar.

**KARNIVAL AMAL  
PENDIDIKAN  
DAERAH KL**

TARIKH : 9 April 2019  
MASA : 8.00 pagi – 4.00 petang  
TEMPAT : Dewan Juara SM  
TEMA : KETOKOHAN ABU BAKAR

SIRAH

7.1.2

Nota  
Guru

- Bersoal jawab dengan murid tentang maklumat di atas.

65



Mari berpantun.

## Khalifah Agung

Kitab dibuka buat rujukan,  
Ilmu disuluh sahabat taulan;  
Abu Bakar al-Siddiq nama julukan,  
Menjadi sejarah sepanjang zaman.

Azan Subuh alunan sunah,  
Tersentuh hati kalimah benar;  
Khalifah pertama pilihan ummah,  
Abdullah bin Abi Qahafah nama sebenar.

Tinta emas nama diukir,  
Dalam hati tersemat indah;  
Tahun 572 Masihi dirinya lahir,  
Di tanah Mekah bumi bertuah.

Harta melimpah peribadi memikat,  
Hidup beramal sentiasa sihat;  
Jadi pedagang kerjaya hebat,  
Bantu umat silaturahim terpahat.

63 tahun usia penuh keimanan,  
Bintang hilang sering dikenang;  
Sahabat taulan rasa kehilangan,  
Wafat khalifah tokoh gemilang.

*Nukilan: MalaMS*





Mari bernasyid.

## Peribadi Unggul

Abu Bakar al-Siddiq nama gelaran,  
Sahabat nabi yang paling akrab  
Perjalanannya penuh berkat  
Terkesan di dalam hati umat

Minda cergas dan ilmu yang tinggi  
Bijak al-Quran dan juga sunah  
Sering musyawarah tiada jemu  
Akhirat dicita sehingga mati

*(korus)*

Sifatmu keberanian

Sifatmu kekuatan

Sifatmu sungguh dermawan

Sifatmu membentuk persaudaraan

*(ulang)*

Mari semua mari saudara

Kita contohi Abu Bakar

Khalifah pertama dalam sirah Islam

Tokoh sepanjang zaman



- Nyanyikan nasyid mengikut rentak lagu Maal Hijrah.
- Rujuk irama lagu Maal Hijrah daripada Internet.



**Baca dan fahami.**

Abu Bakar al-Siddiq merupakan pemimpin yang wajar diteladani oleh pemimpin masa ini. Sumbangan beliau menjadi sejarah dalam perjuangan Islam.

## **SUMBANGAN ABU BAKAR AL-SIDDIQ**

1. Menjadi khalifah pertama selepas kewafatan Rasulullah SAW.
2. Berusaha untuk mengumpulkan ayat-ayat al-Quran.
3. Memerangi golongan yang enggan membayar zakat.
4. Memerangi Musailamah al-Kadzab yang mendakwa dirinya sebagai nabi.



**Minda Aktif**

## SUMBANGAN ABU BAKAR AL-SIDDIQ

**Meja Bulat**

### Arahan

1

Murid duduk dalam kumpulan kecil.

2

Sediakan empat batang pen penanda dan sekeping kad manila.

3


Guru menyediakan satu tajuk.

4

Setiap murid diminta mencatat satu idea berkaitan dengan tajuk yang diberikan secara bergilir-gilir.

5

Hasil dapatan dibentangkan kepada guru dan rakan.



SIPAH

Nota  
Guru

- Berikan tajuk yang berbeza pada setiap sesi untuk percambahan minda murid.



## Laman Kreatif

### Eksplorasi Tokoh



### Cara Permainan

1. Sediakan empat hentian (H) yang berlainan.
2. Setiap hentian mempunyai maklumat yang berbeza.  
H1 – Biodata Abu Bakar al-Siddiq  
H2 – Sifat keperibadian Abu Bakar al-Siddiq  
H3 – Sumbangan Abu Bakar al-Siddiq  
H4 – Tempat penamat
3. Setiap kumpulan diminta mencari maklumat berdasarkan arahan pada setiap hentian.
4. Kumpulan yang paling cepat, tepat dan lengkap dalam pengumpulan maklumat diambil kira sebagai pemenang.

- Jalankan permainan ini secara individu, berpasangan atau berkumpulan.
- Bimbing dan pantau murid sepanjang aktiviti ini dijalankan.
- Sediakan kertas maklumat pada setiap hentian.



Baca dan fahami.

### KEISLAMAN UMAR AL-KHATTAB

- Rasulullah SAW berdoa, "Ya Allah, muliakanlah Islam dengan seorang daripada dua orang lelaki yang Engkau cintai, Umar al-Khattab atau Umar bin Hisyam (Abu Jahal)." Diriwayatkan oleh al-Thabrani daripada riwayat Ibnu Mas'ud dan Anas.
- Memeluk Islam pada tahun keenam kenabian ketika beliau berumur 27 tahun.
- Umar memeluk Islam setelah mendengar adiknya membaca ayat suci al-Quran.



Baca dan ingat.

## *Biodata Sayidina Umar at-Khattab*

سَيِّدِنَا عُمَرُ الْخَطَّابُ

### **Nama penuh**

Umar bin al-Khattab  
bin Nufail bin Abdul Uzza

### **Tarikh lahir**

Tahun 584 Masihi,  
13 tahun selepas kelahiran  
Nabi Muhammad SAW

### **Keturunan**

Bani Adi, Quraisy

### **Gelaran**

Al-Faruq

### **Tempat lahir**

Mekah al-Mukarramah

### **Wafat**

Tahun 23 Hijrah  
Umur 60 tahun  
Dibunuh oleh Abu Lukluah

### **INFO**

Sayidina Umar al-Khattab digelar al-Faruq yang bermaksud pemisah antara yang hak dan yang batil.



72

Nota  
Guru

- Mengadakan aktiviti menulis dan mewarna khat nama Umar al-Khattab.
- Minta murid bercerita tentang biodata Umar al-Khattab dalam kumpulan kecil.

7.2.1



Mari amalkan.

## Keperibadian Umar al-Khattab

Apakah sifat Umar al-Khattab yang kamu ketahui?

Berani.

Kuat.

Gagah.

• Cerdas

• Berprinsip

• Adil

• Sederhana


• Prihatin

• Bertanggungjawab





Baca dan fahami.



## Sumbangan Umar al-Khattab

1. Penggunaan tahun *hijrah* dalam kalendar Islam.
2. Menubuhkan *Baitulmal*.
3. Menubuhkan majlis syura.
4. Menguatkan angkatan tentera.
5. Memperbesar Masjid Nabawi dan mendirikan masjid-masjid yang lain.



### INFO

Majlis Syura ialah pusat perancangan yang melibatkan pentadbiran negara dan urusan umat Islam.



Nota  
Guru

- Minta murid menyenaraikan sumbangan Umar al-Khattab menggunakan perisian *Microsoft Word*.
- Bincangkan sumbangan Umar al-Khattab sebelum menjadi khalifah.


7.2.3





## Minda Aktif

Lengkapkan teka silang kata di bawah.



### Melintang

1. Pusat kewangan Islam yang ditubuhkan oleh Umar al-Khattab.
3. Bapa kepada Umar al-Khattab \_\_\_\_\_.
6. Umar al-Khattab berketurunan Arab \_\_\_\_\_.

### Menegak

1. Umar al-Khattab terkenal dengan sifat ini.
2. Sifat Umar al-Khattab.
4. Umar al-Khattab dibunuh oleh \_\_\_\_\_.
5. Umar al-Khattab berjaya menakluki dan membangunkan kota-kota besar seperti \_\_\_\_\_.




## Laman Kreatif


Kamu diminta membuat folio berkaitan dengan Umar al-Khattab. Gunakan maklumat yang kamu pelajari dan maklumat tambahan daripada sumber-sumber lain.



1. Sediakan alat dan bahan seperti kertas A4, gam dan gunting.



2. Cari maklumat tentang Umar al-Khattab daripada pelbagai bahan bacaan dan sumber pendidikan.



3. Taip dan cetak maklumat tentang Umar al-Khattab seperti biodata, sifat keperibadian dan sumbangan beliau.



4. Gunting dan tampal maklumat yang telah dicetak pada kertas pelbagai warna.

1. Muka hadapan
2. Isi kandungan
3. Objektif
4. Pengenalan
5. Biodata tokoh
6. Sifat keperibadian tokoh
7. Penutup
8. Penghargaan
9. Lampiran



6. Jilidkan semua maklumat dengan lengkap.

5. Susun folio seperti susunan di atas.



# UNIT 14

## SAYANGI RAKAN



Lihat dan fikirkan.



Bagaimanakah adab kamu semasa menziarahi rakan yang sakit?

8.1.1

Nota  
Guru

- Lakukan sumbang saran tentang cara beradab dengan rakan.



Baca dan amal.

## Adab dengan Rakan

2

Mengasihi rakan seperti mengasihi diri sendiri.

4

Bertolak ansur dan bekerjasama.

6

Bertutur dengan bahasa yang sopan dan tidak menyakiti hati orang lain.

1

Kawan-kawan, boleh nyatakan adab-adab bersama-sama dengan rakan?

3

Sentiasa senyum dan bersangka baik terhadap rakan.

5

*Ringan tulang* apabila diperlukan.

7

Memelihara dan menutup aib rakan.



Baca dan fahami.

## Kelebihan beradab dengan rakan



► Diberkati Allah SWT dan memperoleh keredaan-Nya

► Diri terdorong melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan.

► Diri terhindar daripada gejala yang tidak baik.

► Dapat membentuk diri menjadi individu yang berakhlak mulia.



AKHLAK

8.1.2

Nota  
Guru

- Lakukan sumbang saran tentang kelebihan beradab dengan rakan.





Baca dan hayati.

## Rakan yang Beradab

1



Hakim, Harith dan Farhan bersahabat baik sejak di bangku sekolah rendah. Mereka sering menjalani aktiviti bersama untuk mengeratkan lagi hubungan persahabatan.

3



Setelah menghayati keindahan panorama di puncak bukit, mereka berhenti rehat bagi menghilangkan keletihan serta berkongsi makanan untuk mengalas perut.

2

Subhanallah, cantik sungguh ciptaan Allah SWT ini!



Sepanjang perjalanan ke puncak Bukit Broga, mereka menikmati pelbagai keindahan alam ciptaan Allah SWT.

4



Dalam perjalanan pulang, kaki Hakim tercedera. Rakan-rakan Hakim cuba merawat kecederaan kakinya serta membantu Hakim menuruni bukit dengan berhati-hati.

- Terangkan sifat rakan yang baik kepada murid.
- Minta murid melakukan cara beradab dengan rakan berdasarkan situasi dalam gambar di atas.



Semak adab dengan rakan.

## SENARAI SEMAK

TARIKH: \_\_\_\_\_

NAMA MURID: \_\_\_\_\_

KELAS: \_\_\_\_\_

TANDAKAN (✓) PADA PETAK YANG DISEDIAKAN:

BIL.	PERKARA YANG DINILAI	YA	TIDAK
1.	Mengucapkan salam ketika bertemu dengan rakan.		
2.	Memberikan nasihat yang baik kepada rakan.		
3.	Menziarahi rakan yang sakit.		
4.	Mengamalkan tingkah laku yang baik semasa bergaul.		
5.	Saling bermaafan apabila melakukan kesalahan.		
6.	Tidak menyakiti hati kawan.		
7.	Menjaga maruah kawan.		
8.	Mengasihi rakan seperti mengasihi diri sendiri.		



## Laman Kreatif

Hasilkan sebuah buku skrap tentang anda dan rakan anda.

**1** Sediakan bahan yang diperlukan.



**2** Masukkan maklumat diri dan tampal gambar anda.



### Isi

- Butiran anda
- Gambar anda
- Biodata dan gambar rakan
- Hobi rakan
- Pengalaman dengan rakan
- Gambar dengan rakan



**3** Isikan maklumat rakan mengikut butiran yang diperlukan.

**4** Hias buku skrap dengan cantik dan menarik.



# UNIT 15

## SUBURKAN AMANAH



Lihat dan fikirkan.

Amanah bermaksud kepercayaan yang diberikan kepada seseorang. Amanah tersebut wajib dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti.

Sebagai pengawas, apakah yang perlu kamu lakukan jika rakan baik kamu melakukan kesalahan? Bincangkan.

### INFO

“Tidak sempurna iman bagi orang yang tidak beriman dan tidak diterima solat orang yang tidak bersuci dan tidak sempurna agama orang yang tidak diterima solatnya.”

(Riwayat al-Thabrani)



Baca dan fahami.

## Kepentingan Bersifat Amanah

### MANFAAT

- ▶ Mendapat kepercayaan rakan-rakan.
- ▶ Disayangi dan dihargai orang.
- ▶ Memperoleh kenaikan pangkat dan ganjaran lain.
- ▶ Mendapat ganjaran di akhirat dan hidup dalam keredaan Allah SWT.

- ▶ Hilang peluang menjadi pemimpin.
- ▶ Hilang kepercayaan orang.
- ▶ Dipandang serong oleh masyarakat.
- ▶ Amanah yang tidak ditunaikan akan dituntut di akhirat dan hidup tidak diberkati.

### AKIBAT



Baca dan hayati.

## Kebaikan Bersifat Amanah



AKHLAK



Perhatikan dan amalkan.

## Cara Perlakuan Bersifat Amanah



Amanah terhadap ibu bapa.

- Belajar bersungguh-sungguh.



Amanah terhadap jiran.

- Menjaga rumah jiran dengan sebaik-baiknya.



Amanah terhadap masyarakat.

- Menegur kelakuan yang tidak baik.



Amanah terhadap rakan.

- Menjaga amanah rakan.



## Minda Aktif

Cari perkataan berkaitan dengan sifat amanah berdasarkan senarai di bawah.

- |                  |            |            |
|------------------|------------|------------|
| 1. AMANAH        | 5. JUJUR   | 8. PERCAYA |
| 2. TANGGUNGJAWAB | 6. IKHLAS  | 9. YAKIN   |
| 3. INTEGRITI     | 7. SAHSIAH | 10. BERANI |
| 4. TEGAS         |            |            |

A	B	E	R	I	M	B	A	S	L	A	B	B
K	I	B	E	R	A	N	I	A	S	E	A	D
Y	S	M	I	K	H	L	A	S	W	W	S	J
A	T	S	O	K	H	D	C	K	A	W	S	U
K	A	M	A	N	A	H	D	J	A	A	N	J
I	A	A	E	M	A	G	G	A	N	G	N	U
Y	L	U	S	E	N	N	U	J	E	I	U	R
A	W	A	U	U	U	R	E	T	G	A	G	A
K	S	G	G	G	T	I	R	G	L	T	N	I
I	S	G	G	I	N	T	E	G	R	I	T	I
N	N	N	B	P	E	R	C	A	Y	A	A	M
I	A	C	U	N	T	E	G	A	S	A	H	S
T	L	S	A	H	S	I	A	H	T	S	A	Y



## Laman Kreatif

### Mana Pilihanmu?

#### Cara Permainan

1. Permainan ini boleh dimainkan oleh sekurang-kurangnya dua orang murid.
2. Pergerakan permainan ditentukan mengikut giliran.
3. Kad soalan disediakan oleh guru bagi menentukan laluan pergerakan.
4. Kad soalan akan dibaca dan dijawab pada tiga stesen kuning sahaja.
5. Murid yang menjawab dengan betul akan bergerak melalui rel oren.
6. Murid yang memberikan jawapan yang salah akan bergerak melalui rel merah.



Maaf, anda tidak beramanah

#### • Dibenci orang

Sila kembali ke stesen sebelumnya apabila sampai giliran anda.



Tahniah, anda beramanah

#### • Disukai orang

Taubat

#### • Soalan

Apakah yang perlu dilakukan jika rakan meminta tolong?  
a. Tidak mengendakkannya.  
b. Menolong dengan ikhlas.

#### • Menjalankan tugas dengan baik

#### • Soalan

Apakah tindakan kamu jika mendapati rakan kamu melakukan kesalahan?  
a. Melepaskannya tanpa mengambil sebarang tindakan.  
b. Menahan dan mengambil tindakan.

Tidak ikhlas

Ikhlas

#### • Pilih kasih

Sila kembali ke stesen sebelumnya apabila sampai giliran anda.

#### • Sombong dan angkuh

Sila kembali ke stesen sebelumnya apabila sampai giliran anda.

Menerima tugas sebagai ketua

#### • Menghormati guru

#### • Soalan

Apakah yang perlu dibuat apabila berjumpa guru?  
a. Mengucapkan salam.  
b. Mengelakkan diri.

Anda di sini



- Bimbing murid berbincang tentang sifat amanah.
- Penyediaan soalan bergantung pada kreativiti guru.

## GLOSARI

*ain* dapat dilihat dengan mata kasar.

*air mutlak* air yang suci dan dapat menyucikan.

*hijrah* perpindahan Nabi Muhammad SAW dan umat Islam dari Mekah ke Madinah.

*iktikaf* duduk di dalam masjid untuk mengingat Allah SWT.

*integriti* kejujuran.

*kamil* sempurna atau lengkap.

*khalifah* pengganti kepada Nabi Muhammad SAW; gelaran bagi ketua agama atau raja yang memerintah di beberapa buah negara Islam.

*kudrat* kuasa (Allah SWT).

*riyak* sifat atau sikap suka menunjuk-nunjukkan amal ibadah atau sesuatu kebaikan dengan tujuan mendapat pujian atau sanjungan daripada orang lain, bukan kerana Allah SWT.

*ringan tulang* rajin bekerja.

*syumul* bersifat menyeluruh dan sempurna.

*taharah* menurut bahasa bermaksud bersih atau suci, manakala dari segi istilah pula ialah perbuatan menyucikan badan, pakaian dan tempat daripada hadas dan najis dengan cara yang telah ditetapkan oleh syariat Islam.

*tawaf* berjalan mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali sambil berdoa.

*talaqqi dan musyafahah* murid berjumpa atau berhadapan dengan guru dan belajar al-Quran dengan memerhati gerak bibir guru untuk mendapatkan makhraj yang betul.

*ujub* kagum terhadap diri sendiri, angkuh, bongkak atau ego.

*wahyu* firman atau kalam Allah SWT yang dibacakan kepada nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat.

## RUJUKAN

Al-Quran Karim.

Al-Mubarak Puri, Safi al-Rahman, 1999. *Al-Rahiq al-Makhtum*. Beirut: Muassasatul Rayyan.

Md. Hashim Yahaya, 2011. *Ensiklopedia Solat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali Asy-Syarbaji, 2015. *Al-Fiqh al-Manhaji Ibadat dalam Fiqh al-Syafi'i*. Diterjemah oleh Zulkifli Mohamad al-Bakri. Selangor: Darul Syakir Enterprise (teks Asal dalam bahasa Arab).

Ibn Hisyam, Abu Muhammad Abd Malik Ibn Hisyam al-Muafiri. *Al-Sirah al-Nabawiyah*. Jilid I. Beirut: Darul Jalil.

Imam Al-Sayuti, 2015. *Tarikh Khulafa' Sejarah Para Khalifah*. Jakarta: Qisthi Press.

Imam Ghazali, 1979. *Bimbingan Mukmin*. Kaherah: Al-Maktabah al-Tijjariyyah al-Kubra.

*Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

